



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KONSEP TANAH DALAM AL-QURAN AL-KARIM DARI ASPEK
SEMANTIK DAN AL-I'JĀZ AL-BAYĀNI***

NURUL HUSNA BINTI ABDULLAH

FBMK 2018 57



**KONSEP TANAH DALAM AL-QURAN AL-KARIM DARI ASPEK
SEMANTIK DAN AL-I'JĀZ AL-BAYĀNI**

Oleh

NURUL HUSNA BINTI ABDULLAH

**Thesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sastera**

November 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Copyright © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

KONSEP TANAH DALAM AL-QURAN AL-KARIM DARI ASPEK SEMANTIK DAN AL-I'JĀZ AL-BAYĀNI

Oleh

NURUL HUSNA BINTI ABDULLAH

November 2017

Pengerusi : Mohd Sukki bin Othman, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Tanah merupakan komponen yang sangat dekat dengan kehidupan manusia. Ia banyak berkomunikasi dengan manusia dari awal hingga akhir kehidupan manusia. Al-Quran merekodkan terdapat beberapa perkataan diterjemah dengan maksud tanah melalui rujukan daripada Quran terjemahan Tafsir Pimpinan al-Rahman edisi ke-12. Terdapat lafaz sama yang diterjemah dengan tanah menerangkan konteks ayat berbeza dan lafaz yang berbeza menerangkan konteks ayat yang sama. Hal ini wujud persoalan mengapa pelbagai lafaz boleh diterjemah satu makna iaitu tanah. Bertitik tolak daripada persoalan ini, kajian dijalankan untuk memahami konsep tanah dalam al-Quran, menganalisis lafaz mengikut konteks ayat dan menganalisis dari aspek *al-I'jāz al-Bayāni*. Kajian ini menggunakan analisis semantik al-Quran menurut perspektif Toshihiko Izutsu dan panduan *al-I'jāz al-Bayāni* daripada Dr. Salāh 'Abd al-Fattāh al-Khālidi. Hasil analisis menemui enam lafaz yang membicarakan beberapa konteks ayat tentang tanah. Lafaz tersebut ialah *al-arḍ*, *al-turāb*, *ḥamā'*, *ṣalṣāl*, *ṣa'īd*, dan *al-ṭīn*. Rumusan makna dasar bagi setiap lafaz tanah adalah seperti berikut; *al-arḍ* ialah tanah yang merujuk kepada semua bahagian di atas bumi, *al-turāb* merujuk kepada segala jenis tanah, *al-ṭīn* ialah tanah liat hasil campuran *turāb* dan air, *ḥamā'* ialah tanah lumpur yang berwarna gelap dan berbau, *ṣalṣāl* jenis tanah liat kering dan *ṣa'īd* merujuk kepada debu tanah di permukaan bumi. Hasil analisis menunjukkan penggunaan lafaz bermakna tanah seperti berikut: Pertama, tanah dalam penciptaan manusia menggunakan lafaz; *al-arḍ*, *al-turāb*, *al-ṭīn*, *ḥamā'* dan *ṣalṣāl*. Kedua, tanah sebagai tempat pengebumian manusia menggunakan lafaz; *al-arḍ* dan *al-turāb*. Ketiga, perubahan manusia menjadi tanah selepas mati menggunakan lafaz *al-turāb*. Keempat, tanah seperti debu menggunakan lafaz *al-turāb* dan *ṣa'īd*. Kelima dan keenam tanah yang melibatkan aktiviti di atas bumi seperti pertanian dan pembinaan menggunakan lafaz *al-arḍ*. Ketujuh, memfokuskan kepada bahan untuk pembinaan, penciptaan selain manusia dan bahan untuk hukuman menggunakan lafaz *al-ṭīn* kerana sifatnya yang boleh membentuk. Kesimpulannya, setiap lafaz memainkan peranan yang penting dalam situasi ayat yang digunakan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

THE CONCEPT OF THE SOIL IN THE KORAN FROM THE SEMANTICS AND AL-I'JĀZ AL-BAYĀNI ASPECTS

By

NURUL HUSNA BINTI ABDULLAH

November 2017

Chairman : Mohd Sukki bin Othman, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

The Soil is a closely associated constituent to the life of a human. It has been communicating with human life from the beginning to the end of their life. The Koran has recorded a number of words with the meaning of soil in their translated version from the Tafseer with the Ar-Rahman guide 12th edition. There are similar words which have been translated from the word soil which explained different context of verses and different words which have explained similar context of the verse. This circumstance has induced further concern in term of the definition and usage patterns of this particular word. Based on the current concerns, this study has been done to understand the concept of the soil in the Koran, analysing the word according to the context of the verse and analysing it according to the *al-I'jāz al-Bayāni* aspect. This research has applied the Koranic semantic analysis according to the Toshihiko Izutsu perspective and the guide of the *al-I'jāz al-Bayāni* from Dr. Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālīdī. The study has recognized six words which narrate several themes about the soil. These words are *al-arḍ*, *al-turāb*, *ḥamā'*, *ṣalṣāl*, *ṣa'īd*, and *al-ṭīn*. The summary of the base word has been listed accordingly; *al-arḍ* which is referring to any part on the earth surface, *al-turāb* is a word which refer to all types of soil, *al-ṭīn* is clay which formed from the mixture of *al-turāb* and water. *ḥamā'* is dark smelly mud, *ṣalṣāl* is a type of dried mud and *ṣa'īd* refers to the soil at the earth's surface. Based on the analysis, the application of the word soil is listed as following; Firstly, the words to narrate the soil as the origin of the creation of human are; *al-arḍ*, *al-turāb*, *al-ṭīn*, *ḥamā'* and *ṣalṣāl*. Secondly, the soil as the place for funeral has applied the word *al-arḍ* and *al-turāb*. Thirdly, the alteration of human body to soil has been described by the word *al-turāb* and *ṣa'īd*. Fourth, the soil which is in the form of dust has also been described by the word *al-turāb*. Fifth and sixth the soil that is involved in activities on the earth surface such as agriculture and constructions has used the word *al-arḍ*. Seventh, the soil as the main materials in constructions and inventions other than the creation of human and also as the materials for punishments has used the word *al-ṭīn* which is related to its malleable characteristic. In conclusion, every words has their own importance in each of the situation of the applied verses.

PENGHARGAAN

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah yang membimbing sepanjang menyiapkan tesis ini, iaitu Dr. Mohd Sukki bin Othman selaku penyelia bagi tesis di peringkat Master ini dan turut dibantu oleh Dr. Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok sebagai pembantu penyelia. Jutaan terima kasih juga diucapkan atas segala bantuan sumber maklumat daripada pensyarah-pensyarah Bahasa Arab yang lain di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Ab Halim Bin Mohamad, Dr. Muhd Zulkifli Bin Ismail dan Dr. Nik Farhan Binti Mustapha dan tidak dilupakan Dr. Talqis Nurdianto, ketua jurusan Pendidikan Bahasa Arab, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada ibu, Puan Saudakah bin Haji Hassan kerana banyak memberi sokongan dan doa yang tidak putus-putus agar meneruskan perjalanan menuntut ilmu ini sehingga dapat menyempurnakan kajian hingga ke tahap ini. Tidak dilupakan kepada ahli keluarga yang sentiasa mendoakan dari jauh dan memahami tugas ini. Begitu juga kepada suami tercinta, En. Wan Mohd Syahir bin Ibrahim yang banyak memberi sokongan moral sepanjang temoh untuk menyiapkan tesis ini.

Saya turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh pihak yang terlibat dalam menyempurnakan kajian ini seperti pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Perpustakaan UIN Sunan Kalijaga, dan Perpustakaan Universitas Muhammadiyah Yogyakarta.

Tidak dilupakan juga kepada sahabat-sahabat siswazah seperjuangan di Universiti Putra Malaysia, 'Aqilah bt Mukhtar, Wan Noor Fatehah bin Wan Zakaria, Hakimah bt Ramli, Nazratul Putri bt Risyon, Kartika bt Firman, Zakiah bt Adun, Nor Faezah bt Ismail, Hafizah bt Zaini, Syarifah Nor Jannah, Zainab Awatif bt Omar, rakan-rakan taulan yang berada jauh ataupun dekat di Malaysia, adinda yang dikasihi, Nur Mastura binti Mat Ali, Nurul Effah bt Suding dan Nur Farahana bt Ismail yang banyak memberi sokongan moral untuk meneruskan penulisan tesis hingga selesai, rakan-rakan dari Universiti Gadjah Mada yang banyak membantu sepanjang pencarian maklumat di Yogyakarta, rakan-rakan sejawat di Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda, Sekolah Kebangsaan Salak South dan Sekolah Kebangsaan Desa Petaling yang banyak memberi perangsang untuk meneruskan perjuangan menuntut ilmu ini. Begitu juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Salak South, En. Abdul Aziz bin Mohd Said yang menyokong untuk menyambung pelajaran di peringkat Master sambil bekerja di bawah beliau sehingga mendapat kelulusan daripada Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta mendapat kelayakan cuti khas untuk menghadiri peperiksaan atau yang berkaitan dengannya. Saya turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Desa Petaling, En. Nadzaruddin bin Kasim yang sangat menyokong untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Begitu juga Guru Besar Sekolah Kebangsaan Desa Petaling, Pn. Noor Azizah bt

Abd Ghani dan Penolong Kanan Kurikulum SK Desa Petaling, Pn Suganthi A/P Arumugam kerana banyak memberi ruang dan peluang untuk menyiapkan tesis ini.

Segala bantuan, sokongan, kerjasama dan sumbangan dari semua pihak sangat dihargai. Saya berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada seluruh masyarakat khususnya umat Islam yang menjadikan al-Quran sebagai panduan. Semoga Allah menerimanya sebagai amalan yang diterima disisiNya.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Sukki bin Othman, PhD

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri;
- setiap petikan kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain samada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan 2012);
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat;

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama and No. Matrik : Nurul Husna Binti Abdullah (GS 43691)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Mohd Sukki bin Othman

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xiii
TRANSLITERASI HURUF ARAB	xiv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Pernyataan Masalah	3
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Kepentingan Kajian	9
	1.6 Batasan Kajian	11
	1.7 Metodologi Kajian	12
	1.8 Definisi Operasional	16
2	SOROTAN LITERATUR	17
	2.1 Pengenalan	17
	2.2 Pengenalan Semantik Toshihiko Izutsu	17
	2.2.1 Biografi Toshihiko Izutsu	18
	2.2.2 Semantik Toshihiko Izutsu	19
	2.2.2.1 Hubungan Sintagmatik dan Paradigmatik Ferdinand de Saussure	20
	2.2.3 Kajian-kajian semantik lafaz dalam al-Quran	23
	2.3 I'jaz al-Quran	28
	2.4 Konsep Tanah	34
	2.5 Kesimpulan	36
3	SEMANTIK DAN I'JĀZ AL-BAYĀNĪ	37
	3.1 Pengenalan	37
	3.2 Bentuk Kajian	37
	3.3 Sumber Kajian	37
	3.4 Kerangka Konseptual	38
	3.4.1 Kerangka Konsep Pendekatan Semantik Toshihiko Izutsu	38
	3.4.2 Kerangka Konsep al-I'jāz al-Bayānī Ṣalāḥ 'Abd. Al-Fattāḥ al-Khālidi	40
	3.5 Aplikasi Pendekatan Semantik dan I'jāz al-Bayānī	45
	3.5.1 Pengumpulan data	46
	3.5.2 Pengolahan Data	47
	3.6 Kesimpulan	48

4	ASPEK SEMANTIK DAN I'JĀZ AL-BAYĀNĪ DALAM KONSEP TANAH	50
4.1	Pengenalan	50
4.2	Penganalisisan Data	50
4.2.1	Objektif 1: Mengenalpasti dan mengklasifikasikan konsep tanah dalam al-Quran	50
4.2.1.1	Lafaz <i>al-Turāb</i>	50
4.2.1.2	Lafaz <i>al-Arḍ</i>	52
4.2.1.3	Lafaz <i>al-Ṭīn</i>	53
4.2.1.4	Lafaz <i>al-Ḥama'</i>	54
4.2.1.5	Lafaz <i>Ṣalṣāl</i>	54
4.2.1.6	Lafaz <i>Ṣa'īd</i>	55
4.2.2	Objektif 2: Menganalisis konsep tanah mengikut konteks ayat yang terdapat dalam al-Quran	56
4.2.2.1	Hubungan Sintagatik dan Paradigmatik pada Tataran Fonologi	56
4.2.2.2	Hubungan Sintagmatik dan Paradigmatik pada Tataran Morfologi	57
4.2.2.3	Hubungan Sintagatik dan Paradigmatik pada Tataran Sintaksis	61
	a) Tanah sebagai unsur kejadian manusia	61
	b) Tanah tempat pengebumian manusia	63
	c) Tanah sebagai keadaan manusia menjadi tanah selepas mati	64
	d) Tanah jenis tanah debu	65
	e) Tanah untuk pertanian dan pembinaan	65
	f) Tanah sebagai bahan hukuman	66
4.2.3	Objektif 3: Menganalisis aspek al-I'jāz al-Bayānī pada corak penggunaan konsep tanah yang terdapat dalam al-Quran.	67
4.2.3.1	Analisis dari aspek ketepatan lafaz al-Quran	68
	a) <i>Turāb</i>	68
	b) <i>Arḍ</i>	70
	c) <i>Ḥama'</i> dan <i>ṣalṣāl</i>	72
	d) <i>Ṭīn</i>	73
	e) <i>Ṣa'īda</i>	75
4.3	Kesimpulan	76
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	77
5.1	Pengenalan	77
5.2	Rumusan	77
5.3	Kesimpulan	80
5.4	Cadangan	80
	RUJUKAN	82
	BIODATA PELAJAR	90
	SENARAI PENERBITAN	91

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Senarai surah dan ayat mengikut lafaz bermakna tanah.	13
4.1 Hubungan sintagmatik lafaz <i>al-ard</i>	57
4.2 Hubungan Sintagmatik lafaz <i>al-ard</i> dan bentuk morfologi	58
4.3 Hubungan Sintagmatik pada lafaz <i>turāb</i>	58
4.4 Hubungan Sintagmatik lafaz <i>turāb</i> dan bentuk morfologi	58
4.5 Hubungan Sintagmatik pada lafaz <i>ṭīn</i>	59
4.6 Hubungan Sintagmatik lafaz <i>ṭīn</i> dan bentuk morfologi	59
4.7 Hubungan sintagmatik dan bentuk morfologi lafaz <i>ḥama'</i> , <i>ṣalṣāl</i> dan <i>ṣa'īd</i>	60
4.8 Hubungan Paradigmatik pada lafaz konsep tanah	61

SENARAI RAJAH / CARTA

Rajah		Muka Surat
1.1	Bentuk kepelbagaian penggunaan lafaz bermakna tanah dalam terjemahan al-Quran Tafsir Pimpinan al-Rahman.	8
1.2	Langkah-langkah pendekatan semantik Toshihiko Izutsu.	14
3.1	Kerangka konsep pendekatan Semantik Toshihiko Izutsu dalam kajian konsep tanah.	40
3.2	Kerangka konsep pendekatan al-I'jāz al-Bayānī Ṣalāh 'Abd. Al-Fattāh al-Khālidī.	45
3.3	Kerangka aplikasi pendekatan semantik dan i'jāz dalam kajian konsep tanah.	46
4.1	Medan semantik bagi lafaz konsep tanah	67

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

a.s	‘Alayh al-Salām
cet.	Cetakan
et al.	dan lain-lain
H	Hijrah
M	Masihi
pnyt	penyunting
s.a.w	ṢollaḥiLāh ‘Alayh Wa Sallam
s.w.t	Subḥānah Wa Ta‘ālā
r.a	Raḍiyallah ‘Anhā
T.Th.	Tanpa Tahun
T.Tp.	Tanpa Tempat
Terj.	Terjemahan

TRANSLITERASI HURUF ARAB

1. KONSONAN

Konsonan pada huruf Arab tidak semuanya sepadan dengan huruf rumi. Terdapat beberapa konsonan tertentu yang boleh dirumikan dan ada beberapa konsonan yang lain perlu dilakukan beberapa tambahan (Muhammad Bukhari et al. 2006). Huruf-huruf tersebut ialah seperti dalam jadual berikut:

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ا	-	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	Gh
ج	J	ف	F
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dz	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sh	ء	'
ص	ṣ	ي	y
ض	ḍ	ة	t

2. VOKAL DAN DIFTONG

Dalam sistem vokal dan diftong, ada vokal pendek, vokal panjang dan diftong (Muhammad Bukhari et al. 2006). Ia dapat disenaraikan seperti dalam jadual berikut.

Vokal pendek		Vokal Panjang			Diftong		
a	اَ	Ā	ā	آ			
i	اِ	Ī	ī	و	ay	اي	اِي
u	اُ	Ū	ū	ي	aw	او	اُو

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam memahami makna perkataan yang terdapat dalam al-Quran al-Karim, pengetahuan awal tentang makna sesuatu unit perkataan perlu diketahui. Setiap perkataan mempunyai maknanya tersendiri dan digunakan mengikut kefahaman masyarakat berhubung dengan latar belakang, budaya dan faktor persekitaran. Menurut K.Ammer, makna sesuatu perkataan yang digunakan mengikut konteks ayat mengambil kira beberapa bahagian konteks, iaitu: konteks bahasa, konteks emosi, konteks situasi dan konteks budaya (Ahmad Mukhtār ‘Umar, 1988).

Perbezaan bahasa, dialek dan budaya turut membawa kepada perkembangan dari sudut penggunaan perkataan. Hal ini telah membawa kepada pembahagian perkataan kepada beberapa kumpulan bagi perkataan yang mempunyai beberapa makna, iaitu: monosemi (*mutabāyin*), sinonim (*tarāduf*), polisemi (*ta’dud al-ma’nā*). Monosemi merupakan kumpulan perkataan yang mempunyai satu makna asasi atau tersurat sahaja. Walau bagaimanapun, ada ketika ia mempunyai makna tersirat, *majāzi* dan *kināyah*. Bagi sinonim ia boleh difahami sebagai beberapa perkataan yang difahami dengan makna yang sama. Ahli bahasa membahaskan maksud sinonim mengikut kefahaman masing-masing. Al-Rāzī menyatakan bahawa mana-mana perkataan tunggal yang menunjukkan kepada sesuatu pada satu sudut dikira sinonim. Terdapat ahli bahasa yang mengatakan sinonim antara perkataan tidak berlaku secara 100% kerana tiada sebab perkataan itu wujud jika ia menyamai 100% dengan perkataan yang lain. Terdapat juga di kalangan ahli bahasa berpendapat perkataan-perkataan yang wujud dengan satu makna disebabkan kepelbagaian dialek. Bagi polisemi, ia bertentangan dengan sinonim iaitu satu perkataan yang mempunyai banyak makna (Ahmad Mukhtār ‘Umar, 1988).

Kesemua bahagian perkataan ini wujud dalam al-Quran al-Karim. Hal ini dapat dilihat pada lafaz *turāb* yang diterjemah dengan makna tanah. Ayat tentang tanah dilihat secara umumnya menjurus kepada kumpulan sinonim dan polisemi. Walau bagaimanapun, ayat-ayat ini perlu dikaji secara terperinci dari sudut makna leksikal dan kontekstual bagi mengetahui makna sebenar penggunaan beberapa lafaz yang turut diterjemah dengan makna tanah dalam ayat al-Quran al-Karim.

Dalam pemilihan lafaz dalam al-Quran, para pengkaji al-Quran menegaskan bahawa lafaz dalam al-Quran adalah tepat dan sesuai dengan konteks ayat. Lafaz ini tidak boleh ditukar ganti dengan lafaz yang lain. Lafaz yang digunakan mempunyai makna yang sangat halus dan menepati dengan hakikat makna sesuatu ayat.

1.2 Latar Belakang Kajian

Lafaz dalam al-Quran al-Karim merupakan kalimah yang terpilih oleh Allah s.w.t untuk diletakkan dalam sesuatu ayat yang tidak boleh dipertikaikan. Terdapat sesetengah lafaz kata yang difahami maknanya secara umum dan ada juga yang difahami dengan penjelasan daripada tafsiran ‘ulama’. Tidak dinafikan terdapat juga lafaz dalam al-Quran yang berbeza dari segi lafaz, tetapi difahami dengan maksudnya yang sama dalam kalangan masyarakat bukan Arab apabila merujuk kepada terjemahan al-Quran. Kepelbagaian lafaz yang berkongsi satu makna ini kerap kali ditemui dalam al-Quran al-Karim ketika menceritakan konteks ayat yang samadan berbeza.

Perbezaan dua bahasa yang membincangkan sesuatu lafaz kata ini memerlukan bidang yang mengkaji tentang makna. Semantik merupakan bidang untuk memahami makna sebenar sesuatu kata (Ahmad Mukhtār ‘Umar, 1988). Istilah semantik berasal dari bahasa Yunani, iaitu *sēma* yang bermaksud “lambang”. Ahli bahasa bersetuju bahawa istilah semantik digunakan dalam bidang linguistik untuk mempelajari hubungan antara simbol dan lambang linguistik (Cahyono, 1994). Oleh itu, semantik dapat difahami sebagai ilmu tentang makna salah satu daripada analisis bahasa iaitu: fonologi, sintaksis dan semantik (Chaer, 1994).

Dalam memahami lafaz perkataan dalam al-Quran, manusia biasa tidak mampu untuk mengetahui semua ilmu Allah s.w.t. Oleh hal yang demikian, kajian analisis makna diperkembangkan agar isi al-Quran dapat difahami dengan sebaiknya selagi tidak melanggar batas ilmu Allah s.w.t. Pengkajian lafaz kata dalam al-Quran telah rancak dikaji oleh masyarakat Arab dan bukan Arab. Di Nusantara, kajian lafaz al-Quran turut berkembang khususnya di Malaysia dan Indonesia pada abad ke-21 ini. Kajian yang melibatkan lafaz kata ini menyentuh aspek semantik dan pelbagai aspek i’jāz.

Meninjau kepada konsep tanah dalam al-Quran al-Karim, terdapat pelbagai lafaz yang difahami dengan maksud tanah telah ditemui dalam al-Quran. Tanah merupakan salah satu komponen yang terdapat di atas muka bumi. Ia banyak memberi manfaat kepada manusia dan menjadi keperluan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Perkembangan ilmu tanah telah membawa kepada wujudnya sains tanah sebagai salah satu cabang disiplin ilmu yang baru pada permulaan kurun ke-20. Sains tanah berkembang luas sehingga dipecahkan kepada pelbagai disiplin sains iaitu: geologi, biologi, pertanian, fizik, dan kimia (Shamshuddin Jusop, 1981).

Tanah yang terbentang luas di atas permukaan bumi mempunyai sifat yang pelbagai. Perbincangan sifat tanah membawa kepada kajian pengkelasan sifat tanah yang berasaskan morfologi tanah yang disyorkan oleh seorang ahli Geologi bangsa Russia yang bernama Dokuchaiv. Perkembangan sains tanah terus berkembang dari Russia, hingga ke Eropah Barat dan seterusnya ke Amerika (Shamshuddin Jusop, 1981). Kepentingan tanah kepada manusia juga dapat dilihat melalui interaksi tanah secara langsung bermula dari awal penciptaan manusia hingga ke akhir hayat manusia.

Al-Quran al-Karim telah merakamkan pelbagai situasi yang menyentuh tentang tanah seperti: asal-usul penciptaan manusia (al-Kahf: 37), tanah dalam pertanian (al-Baqarat: 71), tanah dalam pembinaan (al-A'rāf: 74), tanah sebagai tempat pengebumian manusia (al-Sajdah: 10), keadaan manusia menjadi tanah selepas kematian (al-Mu'minūn: 35) dan sebagainya. Merujuk kepada terjemahan al-Quran Tafsir Pimpinan Al-Rahman, ditemui pelbagai lafaz bahasa Arab yang diterjemah dengan makna tanah selain *al-turāb*. Lafaz tersebut ialah: *al-arḍ*, *al-tharā*, *ḥama'*, *ṣa'īd*, *ṣalṣāl*, dan *al-tīn*, (Abdullah Basmeih, 2001).

Kepelbagaian lafaz ini dilihat boleh membawa kekeliruan kepada masyarakat bukan Arab, terutamanya bangsa Melayu kerana terjemahan al-Quran ini diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Tanah tersebut boleh dianggap jenis tanah yang berbeza atau mempunyai maksud tersirat di sebalik penggunaannya dalam sesuatu ayat. Hal ini boleh juga dianggap benar jika lafaz yang sama membincangkan konteks ayat yang sama, manakala lafaz berbeza untuk konteks ayat yang berbeza. Walau bagaimanapun, terdapat juga lafaz berbeza yang menceritakan konteks ayat yang sama sepertimana yang wujud pada ayat yang membicarakan tentang asal usul kejadian manusia. Turut ditemui lafaz *turāb* dan juga lafaz lain digunakan dalam konteks ayat yang berbeza yang diterjemah dengan makna tanah. Bertitik tolak daripada hal ini, kajian ini berusaha untuk mendalami konsep tanah pada lafaz yang diterjemah dengan tanah dari aspek semantik dan I'jāz al-Bayāni.

Sehubungan itu, bagi memahami sesuatu kata dengan lebih terperinci, analisis lafaz dilaksanakan untuk mengetahui makna sesuatu kata. Kajian ini diharapkan menyatukan bidang ilmu naqli dan 'aqli dengan menggabungkan ilmu linguistik bahasa Arab, I'jāz al-Quran dan perkara yang berkaitan tanah. Oleh itu, kajian ini sangat memberi faedah jika setiap lafaz yang diungkapkan dalam al-Quran difahami dengan sebaiknya.

1.3 Pernyataan Masalah

Al-Quran terdiri daripada lafaz kata yang penuh dengan makna sosial, budaya, jati diri, hikmah dan sebagainya. Unsur utama al-Quran ialah bahasa, teks dan makna (Ahdiyat Mahendra, 2015). Tiga unsur ini membentuk kefahaman yang jitu dan agung sehingga menarik minat untuk membacanya. Hal ini perlu dipelajari dan difahami secara berturutan bermula dari komponen yang paling kecil iaitu huruf, kalimah, ungkapan dan ayat.

Kajian tentang lafaz dalam al-Quran merupakan usaha untuk memahami maksud sebenar di sebalik penggunaan suatu lafaz kata dan mendedahkan pandangan dunia al-Quran kepada seluruh umat Islam dengan membuat analisis semantik terhadap lafaz atau istilah kunci dalam al-Quran (Muhammad Iqbal Maulana Nim, 2015). Kelemahan penutur bukan Arab untuk memahami bahasa Arab boleh membawa kepada salah faham dalam memahami makna isi al-Quran al-Karim atau tidak memberi kesan dalam pembacaan al-Quran.

Kefahaman ketika membaca al-Quran boleh dibantu dengan merujuk kepada al-Quran terjemahan. Di Malaysia, Al-Quran terjemahan banyak diterbitkan dalam pelbagai versi bagi memudahkan masyarakat memahami isi kandungan al-Quran. Antara Al-Quran terjemahan terawal yang diterbitkan di Malaysia ialah Terjemahan Al-Quran Pimpinan Al-Rahman. Kitab terjemahan ini telah mula diusahakan penterjemahan dan penulisannya semasa kepimpinan Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (Iskandar Zulkarnain, 2007). Sheikh Abdullah Basmeih bin Sheikh Muhammad Basmeih merupakan tokoh ulama Malaysia yang menyempurnakan penterjemahan terjemahan al-Quran ini. Beliau menterjemah dengan menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami oleh masyarakat awam tanpa menterjemah mengikut perkataan.

Terdapat ayat yang dilampirkan dengan nota kaki untuk keterangan lanjut tentang ayat tersebut. Huraian ini berdasarkan kefahaman beliau dengan merujuk kepada kitab tafsir yang muktabar merangkumi kitab tafsir Arab, Melayu dan Indonesia, kitab hadith, kamus Melayu dan kamus Arab. Antara kitab yang menjadi rujukan beliau ialah: Jāmi‘ al- Bayan oleh al-Ṭabarī, Tafsir Al-Quran al-‘Azīm oleh Ibn Kathīr, Tafsir Rūḥ al-Ma‘āni oleh al-Alusī, Tafsir Anwār al-Tanzīl oleh al-Bayḍāwī, Tafsir al-Jalalayn oleh al-Mahalli dan al-Suyūṭī, Tafsir al-Manār oleh Imam Muhammad ‘Abduh dan Sayyid Muhammad Rashid Riḍā, Tafsir al-Marāghī oleh Ahmad Mustafa al-Marāghī, Tafsir al-Jawāhir oleh Ṭanṭawī Jawhari, Tafsir Fil Zilālī al-Qur‘an oleh Sayyid Qutb dan banyak lagi (Abdullah Basmeih, 2001).

Kitab terjemahan ini menterjemah keseluruhan ayat tanpa membuat huraian secara terperinci bagi setiap ayat al-Quran. Oleh yang demikian, ia boleh dikategorikan sebagai al-Quran terjemahan (Izkandar Zulkarnain, 2007). Walaupun begitu, nilai terjemahan dalam al-Quran ini tetap boleh digunakan sebagai bahan rujukan untuk panduan masyarakat awam kerana huraianya masih merujuk kepada kitab tafsir yang muktabar. Tambahan pula, kemajuan era teknologi kini, telah memuatkan terjemahan al-Quran Pimpinan al-Rahman ini ke dalam *apps smartphone al-Quran* untuk tatapan pembaca.

Kemudahan yang telah wujud ini dapat membantu masyarakat untuk merujuk al-Quran serta memahami maknanya dengan mudah walau di mana sahaja berada. Walau bagaimanapun, menerusi penelitian lafaz makna yang digunakan dalam terjemahan al-Quran Tafsir Pimpinan al-Rahman, ditemui beberapa lafaz kata dalam al-Quran yang diterjemah dengan satu makna. Contohnya lafaz (خير، طيب، حسن) diterjemah dengan ‘baik’, merujuk kepada ayat di bawah berdasarkan terjemahan al-Quran Tafsir Pimpinan al-Rahman.

...عَلَيْكُمْ فَتَابَ بِأَرْحَمَ عِنْدَ لَكُمْ خَيْرٌ (1) ...ذَلِكَ

Terjemahan: ...yang demikian itu lebih baik bagi kamu di sisi Allah yang menjadikan kamu, supaya Allah menerima taubat kamu itu.

(QS. al-Baqarah [2]: 54)

رَزَقْنَكُمْ مِمَّا طَيَّبْتُمْ كُلُوا (2)

Terjemahan: .."Makanlah dari makanan-makanan yang baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu".

(QS. al-Baqarah [2]: 57)

حُسْنًا لِلنَّاسِ وَقُولُوا (3)

Terjemahan: ...dan Katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; ...

(QS. al-Baqarah [2]: 83)

Berdasarkan tiga potongan ayat al-Quran di atas, Allah s.w.t menggunakan tiga lafaz perkataan yang berbeza. Basmeih menterjemah lafaz (خير، طيب، حسن) dengan makna "baik" kerana lafaz ini merupakan lafaz umum yang mudah difahami oleh semua golongan masyarakat. Definisi "baik" mengikut Kamus Pelajar Edisi Kedua ialah tidak jahat, bagus, elok. Walau bagaimanapun, apabila diteliti penggunaan perkataan "baik" dalam ayat al-Quran di atas, ia menunjukkan perbezaan situasi yang menentukan penggunaan lafaz kata tersebut. Oleh yang demikian, semantik merupakan kajian untuk mengetahui makna sesuatu perkataan yang digunakan dalam sesuatu ayat.

Selain daripada makna "baik", terdapat juga lafaz kata yang lain seperti (صَيِّبٌ، ماءٌ، وابلٌ) yang diterjemah dalam terjemahan al-Quran Pimpinan al-Rahman dengan 'hujan' dan (الأرض، تراب، حمأ، صلصال، طين، ثرى، صعيد) diterjemah sebagai 'tanah'.

Situasi ini pada pandangan masyarakat umum barangkali boleh menyebabkan mereka menganggapnya sebagai lafaz yang berhubung secara sinonim. Walau bagaimanapun, apabila merujuk kepada konteks ayat, pengkaji mendapati suatu kajian perlu dilakukan agar masyarakat memahami maksud sebenar setiap lafaz kata yang digunakan dalam sesuatu ayat. Ia dibimbangi menjadi kekeliruan dalam kalangan mereka yang tidak mendalami ilmu 'Ulūm al-Quran, bahasa Arab dan tafsir. Oleh yang demikian, kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu lafaz dalam ayat al-Quran sangat penting untuk mengelakkan kekeliruan.

Menerusi penelitian dalam terjemahan tafsir Pimpinan al-Rahman, beberapa lafaz yang dianggap sinonim dengan lafaz *turāb* ditemui. Sinonim ini dirujuk kepada terjemahan pelbagai lafaz tersebut dengan makna tanah. Kepelbagaian lafaz ini menimbulkan persoalan mengapa berlakunya terjemahan yang sama pada lafaz yang berbeza. Jika dirujuk kepada ayat yang mengandungi lafaz dengan makna tanah ini, terdapat lafaz yang sama dalam konteks ayat yang berbeza dan lafaz yang berbeza dalam konteks ayat yang sama. Sehubungan itu, kajian ini memilih lafaz *turāb* sebagai lafaz utama dan lafaz yang diterjemah dengan makna tanah sebagai cabang kepada lafaz *turāb* untuk membincangkan konsep tanah yang terdapat dalam al-Quran.

Berikut merupakan senarai lafaz yang diterjemah dengan makna tanah dalam terjemahan Al-Quran Pimpinan Al-Rahman:

- | | |
|-----------|---------|
| 1. turāb | (تراب) |
| 2. arḍ | (أرض) |
| 3. ḥama' | (حما) |
| 4. ṣalṣāl | (صلصال) |
| 5. al-ṭīn | (طين) |
| 6. ṣa'id | (صعيد) |

Penggunaan lafaz yang diterjemah dengan makna tanah ditemui wujud dalam beberapa konteks ayat. Berdasarkan tinjauan mendapati lafaz tersebut wujud dalam dua bentuk kepelbagaian. Antara bentuk kepelbagaian penggunaan lafaz itu ialah:

Pertama, penggunaan lafaz berbeza yang diterjemah sebagai tanah dalam konteks ayat yang sama. Berikut adalah contoh konteks ayat dalam al-Quran tentang asal usul penciptaan manusia dengan menggunakan lafaz *turāb*, *ḥama'*, *ṣalṣāl* dan *ṭīn*. Dalam surah Āl'Imrān: 59, Allah menggunakan lafaz *turāb* bagi maksud tanah:

﴿فَيَكُونُ كُنْ لَهُ، قَالَ ثُمَّ تُرَابٍ مِنْ خَلْقِهِ، أَدَمَ كَمَثَلِ اللَّهِ عِنْدَ عِيسَىٰ مَثَلِ إِبْرَٰهٖمَ﴾

Terjemahan: Sesungguhnya perbandingan (kejadian) Nabi Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" maka menjadilah ia.

(QS. Āli 'Imrān [3]: 59)

Dalam dalam surah al-Hijr: 28, Allah menggunakan lafaz *ḥama'* (حما) dengan makna tanah liat dan *ṣalṣāl* (صلصال) dengan makna tanah liat kering.

﴿مَسْنُونٍ حَمَإٍ مِّنْ صَلْصَالٍ مِّنْ دَشْرٍ أَخْلَقْنَاهُ إِلَىٰ لِّمَلَكِكَةٍ رَبُّكَ قَالَ وَادِّ﴾

Terjemahan: Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya.

(QS. al-Hijr [15]: 28)

Manakala dalam surah al-A'rāf 12, Allah menggunakan lafaz *ṭīn* (طين) dengan makna tanah.

﴿طِينٍ مِّنْ وَخَلَقْتَهُ نَارٍ مِّنْ خَلْقَتَنِي مِنْهُ خَيْرًا أَنَا قَالُ أَمَرْتُكَ أَنْ تَسْجُدَ إِلَّا مَنَعَكَ مَا قَالُ﴾

Terjemahan: Allah berfirman: "Apakah penghalangnya yang menyekatmu daripada sujud ketika Aku perintahmu?" Iblis menjawab: "Aku lebih baik daripada Adam,

Engkau (Wahai Tuhan) jadikan daku dari api sedang dia Engkau jadikan dari tanah."
(QS. al-A'raf[7]: 12)

Ketiga-tiga contoh ayat di atas menceritakan asal usul penciptaan manusia dariapada tanah dengan menggunakan lafaz yang berbeza iaitu, lafaz *turāb*, *ḥama'*, *ṣoḥṣāl* dan *fīn*.

Kedua, penggunaan lafaz yang sama dalam konteks ayat yang berbeza dan diterjemah dengan tanah. Contohnya, lafaz *al-turāb* wujud dalam konteks ayat al-Quran seperti penciptaan manusia berasal daripada tanah, tanah sebagai tempat manusia selepas mati (kubur) dan kejadian manusia menjadi tanah selepas mati. Berikut adalah ayat yang menunjukkan kepelbagaian konteks ayat bagi lafaz *turāb*:

Surah Āl 'Imrān ayat 59 menceritakan tentang asal usul kejadian manusia yang telah dinyatakan dalam ayat sebelum ini. Surah al-Nahl ayat 59 menceritakan tentang tanah sebagai tempat manusia dikembalikan.

﴿يَحْكُمُونَ مَا سَاءَ أَلَّا التُّرَابُ فِي يَدِّهِ أَمْ هُوَ عَلَىٰ أَيْمِسْكَهُ بِهِ يُشْرِمَا سُوءٍ مِنَ الْقَوْمِ مِنْ يَتَوَرَّىٰ﴾

Terjemahan: Ia bersembunyi dari orang ramai kerana (merasa malu disebabkan) berita buruk yang disampaikan kepadanya (tentang ia beroleh anak perempuan; sambil ia berfikir): Adakah ia akan memelihara anak itu dalam keadaan yang hina, atau ia akan menanamnya hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah! sungguh jahat apa yang mereka hukuman itu.

(QS. al-Nahl [16]: 59)

Dalam Surah Qaf ayat 3 Allah berfirman tentang kejadian manusia menjadi tanah selepas mati.

﴿بَعِيدٌ رَجَعْتُ لَكَ تَرَابًا وَكُنَّا مِتْنَاءَ ذَا﴾

Terjemahan: "Adakah (kita akan kembali hidup) sesudah kita mati dan menjadi tanah? itu adalah cara kembali yang jauh (dari kemungkinan, kerana jasad yang telah hancur tidak dapat diketahui lagi)".

(QS. Qaf [50]: 3)


Ketiga-tiga ayat ini menggunakan lafaz *turāb* yang diberi makna tanah dengan menceritakan konteks ayat yang berbeza.

Berdasarkan contoh pada bentuk **pertama**, konteks ayat yang dibincangkan adalah sama, iaitu tentang asal usul kejadian manusia. Walau bagaimanapun, lafaz yang digunakan adalah berbeza. Adakah wujud hubungan sinonim pada lafaz tersebut? Hal ini menjadi persoalan disebabkan wujud kepelbagaian lafaz yang digunakan. Apabila diteliti pada ayat yang turut menceritakan asal usul kejadian manusia, terdapat juga lafaz yang diterjemah dengan makna jenis tanah iaitu tanah liat dan tanah kental sepertimana yang ditunjukkan pada contoh ayat dari surah al-Hijr ayat 28. Menurut

Newmark, terjemahan boleh dijalankan dengan memindahkan teks ke bahasa lain mengikut apa yang difahami oleh penterjemah (Newmark, 1988). Oleh yang demikian, terjemahan Basmeih ini tidak bermasalah kerana masih seiring dengan pernyataan Newmark.

Apabila dilihat kepada bentuk **kedua**, lafaz yang diberi makna tanah terdapat dalam pelbagai konteks ayat. Hal ini boleh beranggapan lafaz tersebut mempunyai makna tanah yang luas sehingga sesuai digunakan untuk menceritakan hal tanah dalam konteks yang berbeza. Jika lafaz *turāb* dianggap berhubungungan secara sinonim dengan lafaz yang lain, mengapakah lafaz lain tidak ditemui dalam konteks ayat lain seperti *turāb*. Maka, hal ini jelas menunjukkan lafaz ini tidak berhubung secara sinonim secara keseluruhan cirinya.

Oleh yang demikian, berdasarkan dua bentuk di atas, kepelbagaian lafaz dan penggunaannya menimbulkan persoalan dari segi maksudnya yang sebenar dan corak penggunaannya. Kepelbagaian ini pasti ada maksud tersirat yang perlu dikaji. Oleh yang demikian, kepelbagaian penggunaan lafaz bermakna tanah menjadi titik tolak kepada kajian konsep tanah dalam al-Quran al-Karim dari sudut semantik dan i'jāz al-Bayāni. Carta di bawah menunjukkan dua bentuk kepelbagaian yang wujud dalam terjemahan ayat yang mengandungi lafaz bermakna tanah.



Rajah 1.1. Bentuk kepelbagaian penggunaan lafaz bermakna tanah dalam terjemahan al-Quran Tafsir Pimpinan al-Rahman.

Berdasarkan keterangan di atas, pengkaji ingin mengutarakan persoalan kajian seperti berikut:

- 1) Apakah konsep tanah dalam al-Quran?
- 2) Bagaimanakah konsep tanah menurut semantik diungkapkan dalam al-Quran?
- 3) Bagaimanakah aspek I'jāz al-Bayāni mempengaruhi corak penggunaan konsep tanah dalam al-Quran?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- 1) Mengenal pasti dan mengklasifikasikan konsep tanah dalam al-Quran.
- 2) Menganalisis konsep tanah dari aspek semantik berdasarkan konteks ayat yang terdapat dalam al-Quran.
- 3) Menganalisis aspek al-I'jāz al-Bayāni pada corak penggunaan konsep tanah yang terdapat dalam al-Quran.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian tentang makna kata dalam al-Quran tidak dapat dipisahkan dengan linguistik bahasa Arab. Menurut K. Hitti dalam *History of Arabs*, bahasa Arab telah menjadi bahasa ilmu pengetahuan selama beratus tahun di seluruh dunia. Banyak karya pelbagai bidang telah dihasilkan dalam bahasa Arab seperti bidang agama, perubatan, falsafah, sejarah, ekonomi, geografi (Ahdiyat Mahendra, 2015). Oleh yang demikian, al-Quran dan bahasa Arab tidak dapat dipisahkan dalam usaha untuk menyampaikan risalah ketuhanan kepada masyarakat.

Perbincangan hikmah al-Quran dapat memberi faedah yang besar kepada masyarakat. Ruang lingkup al-Quran yang sangat luas akan terus berkembang kerana setiap ayat al-Quran mempunyai nilai falsafah (al-Farmawi, 1977). Melalui sorotan kajian berkaitan analisis lafaz dalam al-Quran, masih ada kelompangan untuk memahami lafaz *turāb* dalam al-Quran disebabkan wujud beberapa lafaz yang diterjemah dengan makna tanah. Kajian lafaz dapat mengumpulkan hasil penafsiran ulama' tafsir secara tematik. Tafsir tematik bukan bermakna pembukuan semula al-Quran, sebaliknya ia merupakan usaha untuk membantu pembaca al-Quran untuk memahami konsep yang dibicarakan dalam sesuatu ayat dengan mengumpulkan ayat-ayat yang mempunyai korelasi dengan satu tema (Ahmad Khudori Soleh, T.Th.).

Selain membantu dalam bidang tafsir, kajian ini juga dapat menambahkan lagi kajian berkaitan I'jāz al-Quran. Kefahaman tentang isi kandungan al-Quran dapat membantu praktikaliti dalam kehidupan. Semua bidang ilmu disarankan untuk dihubungkan dengan al-Quran kerana kebanyakan masyarakat Muslim adalah dari golongan berpendidikan. Sehubungan itu, kajian yang mencari I'jāz al-Quran ini dapat membantu masyarakat untuk memahami dan mengaitkan seluruh skop kehidupan mengikut panduan al-Quran.

Kajian ini memilih lafaz *turāb* sebagai bahan kajian kerana perbincangannya yang luas dalam al-Quran tentang tanah dan mencakupi hampir keseluruhan aktiviti kehidupan manusia sama ada berinteraksi secara langsung atau tidak langsung. Menjadi kepentingan bagi seseorang manusia untuk memahami asal usul kejadiannya dan kaitannya dengan kehidupan di dunia. Selain itu, pengkaji ingin mengajak manusia untuk mentadabbur sebahagian daripada lafaz al-Quran yang wujud dengan penuh

keunikan dari segi penggunaannya dalam sesuatu ayat. Hal ini untuk mengukuhkan bahawa Allah s.w.t tidak memperkatakan sesuatu melainkan ia mempunyai sebab dan manfaat yang perlu dititikberatkan untuk diamalkan dalam kehidupan.

Selain itu, kajian tentang tanah ini boleh dikategorikan sebagai kajian ayat-ayat *kawniyyah* tentang penciptaan alam ini. Kajian tematik yang telah dikaji sebelum ini lebih membincangkan persoalan aqidah, akhlaq, ibadah dan sosial (Lajnah Pentashihan Mushaf al-Quran, 2012). Bagi kajian tanah ini, pengkaji berusaha untuk menggabungkan aspek semantik dan i'jāz yang terdapat pada lafaz yang dikaji. Secara tidak langsung, kajian ini dapat menyatukan bidang tafsir al-Quran, bahasa Arab dan bidang tanah.

Secara khususnya, kajian kepelbagaian lafaz tentang tanah ini dapat menjelaskan maksud lafaz dari segi leksikal dan kontekstual. Tanpa kajian ini, pembaca yang hanya membaca al-Quran terjemahan dan menyimpulkan semua jenis lafaz bermakna tanah secara zahir, sedangkan setiap lafaz yang terkandung di dalam ayat Allah mempunyai maksudnya tersendiri yang sesuai dengan perbincangan ayat tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini memerlukan rujukan kepada perbincangan 'ulama' tafsir dan 'ulama' bahasa. Hasilnya akan membantu masyarakat untuk memahami makna sebenar lafaz tersebut.

Dalam aspek pendidikan pula, pihak yang terlibat dalam penyusunan modul pendidikan al-Quran atau Tafsir al-Quran boleh membantu bidang lain menerapkan elemen al-quran dalam setiap bidang pengajian di peringkat pengajian tinggi. Hal ini tidak mustahil kerana kurikulum sekolah menengah sudah banyak diperkenalkan dengan menggabungkan pengajian Sains dan tahfiz. Selepas diperkenalkan program j-QAF pada tahun 2005 di sekolah rendah, program Ulul Albab telah diperkenalkan oleh kerajaan negeri Terengganu di Sekolah Menengah Imtiaz, Terengganu. Program ini bermatlamat untuk melahirkan kepimpinan muslim bertaraf global. Ia menekankan aspek al-Quran, ijtihad dan ensiklopedia (Norhazriah Mohamed, 2012).

Oleh itu, program ini boleh diteruskan di peringkat pengajian tinggi. Pada 24 Disember 2015, Utusan Online telah melaporkan bahawa Universiti Kuala Lumpur akan membuka program khas untuk pelajar lulusan tahfiz di peringkat sekolah yang mengikuti pengajian kejuruteraan teknologi dan perubatan mulai tahun 2016. Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif UniKL, Prof. Dr. Mazliham Mohd Su'ud berkata, program ini diperkenalkan sebagai usaha untuk menerapkan elemen keislaman dalam pembelajaran mahasiswa di samping menumpukan kepada pengajian dalam bidang masing-masing (Utusan Online, 24/Disember/2015). Menurut Timbalan Pengarah 1, Pusat Pembangunan Mahasiswa UniKL, Wan Suriyani Che Wan Ahmad dalam temuramah pada Februari 2017, program ini telah berjalan seperti yang dirancang selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan golongan cendekiawan yang seimbang dari segi akhlak dan ilmu seperti yang termaktub dalam pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi). Usaha ini perlu diteruskan sedikit demi sedikit untuk membawa umat Islam kembali kepada al-Quran.

Selain itu, tanah sendiri mempunyai manfaat dalam pelbagai bidang kehidupan seperti bidang pertanian, pembinaan, geologi, biologi dan sebagainya. Kajian tentangnya berdasarkan dalil al-Quran dapat membuka ruang perbincangan yang lebih besar dan membantu dalam usaha untuk mengintegrasikan antara prinsip falsafah sains al-Quran dengan perkembangan sains moden sekarang. Hal ini secara tidak langsung dapat mendorong manusia untuk meningkatkan penghayatan cara hidup berteraskan al-Quran dalam kehidupan.

Sebagai kesimpulanya, kajian tentang lafaz yang diterjemah dengan makna tanah ini perlu dikaji untuk mengetahui aspek semantik dan i'jaz yang terkandung padanya.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada ayat yang mengandungi semua lafaz yang diterjemah dengan makna tanah menurut terjemahan Al-Quran *Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran edisi kedua belas*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Terjemahan al-Quran ini dijadikan sumber untuk dikeluarkan lafaz bermakna tanah sahaja dan analisis seterusnya tidak bergantung sepenuhnya kepada terjemahan al-Quran ini. Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan. Analisis data dalam kajian ini dirujuk kepada tesis, jurnal dan bahan bacaan yang menghuraikan tentang tanah dan perkara berkaitannya.

Lafaz selain *turāb* yang dipilih hendaklah memenuhi salah satu bentuk kepelbagaian penggunaan lafaz yang bermakna tanah sepertimana yang dibincangkan dalam permasalahan kajian iaitu; (1) Lafaz berbeza, konteks ayat sama atau (2) Lafaz sama, konteks ayat berbeza. (Rujuk rajah 1.1). Oleh yang demikian, lafaz yang ditemui dalam terjemahan al-Quran Pimpinan al-Rahman dan diterjemah dengan makna tanah, tetapi tidak memenuhi salah satu bentuk kepelbagaian penggunaan lafaz dikecualikan daripada analisis kajian ini seperti lafaz *al-tharā* yang diterjemah dalam terjemahan al-Quran sebagai tanah di bawah bumi. Lafaz ini hanya terdapat dalam satu ayat dan tidak diguna dalam konteks ayat yang lain.

Bagi menyempurnakan kajian ini, kamus dan kitab tafsir menjadi rujukan selepas al-Quran al-Karim. Antara kamus ekobahasa Arab-Arab yang menjadi rujukan untuk mengetahui setiap lafaz ialah *Kitāb al-'Ayn*, *Lisān al-'Arab*, *Jamharat al-Lughat*, *Maqāyīs al-Lughat*, *al-Qāmūs al-Muḥīt*, *Mu'jam fī Gharīb al-Quran*, *Mu'jam al-Ṣiḥāh* dan *al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Pengkaji turut merujuk kepada kamus dwibahasa iaitu Arab-Inggeris dan Arab-Melayu. Kamus Arab-Inggeris yang masyhur ialah *Mu'jam al-Mawrīd*. Kamus Arab-Inggeris digunakan untuk melihat maksud dalam bahasa Inggeris yang digunakan bagi para pengkaji yang terlibat dalam kajian sains tanah. Bagi Kamus Arab-Melayu, pengkaji memilih Kamus Besar Dewan Arab-Melayu keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka kerana susunan kamus ini menggunakan kata dasar sebagai kata kunci untuk pencarian perkataan. Bahan rujukan ini penting untuk mengetahui makna asal sesuatu lafaz yang dikaji. Terdapat beberapa kamus lain yang turut digunakan sebagai bahan sokongan.

Kajian ini juga memerlukan rujukan kepada kitab tafsir untuk mendapatkan makna lafaz secara kontekstual. Antara kitab tafsir yang menjadi sumber rujukan ialah *Tafsīr Ibn Kathīr*, *Tafsīr al-Sya'rawi*, *Tafsīr al-Azhar*, *Tafsīr al-Asās fī al-Tafsīr*, *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr* dan *Tafsīr al-Kasysyāf*. Kitab-kitab tafsir ini dipilih kerana huraian yang lebih mendalam tentang sesuatu ayat dan kesesuaiannya dengan keadaan semasa.

Dalam kajian ini, sebanyak enam lafaz dikenal pasti yang diterjemah dengan maksud tanah dalam terjemahan al-Quran Pimpinan al-Rahman. Lafaz tersebut dipilih dalam keseluruhan al-Quran. Kajian ini akan menganalisis makna dasar dan makna kaitan bagi lafaz yang ditemui. Jadual 1.1. menunjukkan senarai surah dan ayat mengikut lafaz yang akan dianalisis.

1.7 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan al-Quran sebagai sumber rujukan utama. Kajian berbentuk keputakaan ini melibatkan analisis lafaz yang diterjemah dengan makna tanah. Dalam menganalisis lafaz ini, pengkaji memilih beberapa pendekatan untuk mencapai objektif. Pendekatan semantik al-Quran menurut perspektif Toshihiko Izutsu dipilih kerana pendekatannya telah banyak digunakan oleh para pengkaji yang menganalisis lafaz daripada al-Quran.

Toshihiko Izutsu merupakan seorang ahli falsafah bukan Islam dari Jepun, yang telah tertarik dengan keindahan bahasa al-Quran. Beliau telah meneroka bidang pengkajian al-Quran dan mendedahkan budaya klasik Jepun yang ditemui dalam kitab wahyu al-Quran dan juga cara pandang Islam. Pendekatan yang dibawa oleh Toshihiko Izutsu dalam menganalisis semantik al-Quran adalah untuk membawa al-Quran agar difahami mengikut pandangan dunia (Fathurrahman, 2010). Hasilnya al-Quran dapat difahami makna dari segi leksikal dan kontekstual serta pandangan dunia terhadapnya.

Toshihiko Izutsu berpendapat bahawa semantik al-Quran perlu difahami dalam pengertian pandangan dunia terhadapnya, bukan berbentuk sesuatu abstrak yang statik. Tujuan beliau untuk menunjukkan ontologi hidup yang dinamik daripada al-Quran dengan mengetengahkan konsep asas yang memainkan peranan dalam pembentukan visi qur'ani tentang alam semesta. Oleh yang demikian, semantik yang dibawa oleh Toshihiko Izutsu bukan sahaja untuk memahami makna bahkan untuk memahami corak penggunaan sesuatu lafaz yang berhubung sesamanya dalam sesuatu ayat (Izutsu, 2002)


Toshihiko Izutsu menggunakan pendekatan struktualisme linguistik kerana beliau berpegang bahawa bahasa bukan sahaja alat untuk berfikir dan berbicara bahkan ia merupakan alat untuk menterjemah dunia yang mengelilinginya (Izutsu, 2002). Pendekatan yang dibawa oleh Toshihiko Izutsu melibatkan beberapa langkah yang bermula dengan penentuan tema dan kata kunci sebagai bahan analisis.

Jadual 1.1.Senarai surah dan ayat mengikut lafaz tanah.

Bil	Lafaz tanah	Kedudukan di dalam al-Quran
1	al-arḍ [الأرض]	QS. al-Baqarah: 71 QS. al-Nisā': 42 QS. al-Qaṣaṣ: 81 QS. al-A'rāf: 74 QS. al-Sajdah: 15 QS. al-Najm: 32
2	al-turāb @ turāb [التراب @ تراب]	QS. al-Baqarah: 26 QS. Āl 'Imrān: 59 QS. al-Ra'd: 5 QS. al-Nahl: 59 QS. al-Kahf: 37 QS. al-Ḥajj: 5 QS. al-Mu'minūn: 35 QS. al-Mu'minūn: 82 QS. al-Naml: 67 QS. al-Rūm: 20 QS. Fāṭir: 11 QS. al-Ṣāffāt: 16 QS. al-Ṣāffāt: 53 QS. Ghāfir: 67 QS. Qāf: 3 QS. al-Wāq'at: 47 QS. al-Naba': 40
3	ḥama' [حَمًا]	QS. al-Ḥijr: 26 QS. al-Ḥijr: 28 QS. al-Ḥijr: 33
4	ṣaṣṣāl [صَصَصَال]	QS. al-Ḥijr: 26 QS. al-Ḥijr: 28 QS. al-Ḥijr: 33
5	ṣa'īd [صَعِيد]	QS. al-Raḥman: 14 QS. al-Nisā': 43 QS. al-Mā'idah: 6 QS. al-Kahf: 8 QS. al-Kahf: 40
6	ṭīn @ al-ṭīn [طين @ الطين]	QS. Āl 'Imrān: 49 QS. al-Mā'idah: 110 QS. al-An'ām: 2 QS. al-A'rāf: 12 QS. al-Isrā': 61 QS. al-Mu'minun: 12 QS. al-Sajdah: 7 QS. al-Ṣāffāt: 11 QS. Ṣād: 71 QS. Ṣād: 76 QS. al-Dhāriyāt: 33 QS. al-Qaṣaṣ: 38

QS: Quran Surah

Bahan ini dianalisis untuk mencari makna dasar, makna kaitan, medan semantik dan pandangan dunia terhadapnya. Pada hakikatnya, pendekatan Toshihiko ini mengambil panduan daripada teori linguistik yang dibawa oleh Bapa Linguistik Moden iaitu de Saussure (1857-1919). Dua pendekatan penting yang akan digunakan untuk menganalisis dari aspek semantik iaitu pendekatan sintagmatik dan paradigmatic merupakan dua pendekatan yang sangat penting ketika perkembangan ilmu linguistik. Toshihiko Izutsu menjadikan pendekatan ini dalam analisis semantik kerana perkembangannya yang telah diperakui oleh para pengkaji linguistik dan menyesuaikan analisis ini dalam pengkajian al-Quran. Langkah asas bagi pendekatan Toshihiko Izutsu dapat ditunjukkan seperti rajah 1.2 di bawah.



Rajah 1.2. Langkah-langkah pendekatan semantik Toshihiko Izutsu.

Langkah pertama dalam pendekatan semantik Toshihiko Izutsu ialah penentuan tema. Tema merupakan lafaz atau konsep yang menjadi bahan utama analisis. Langkah kedua ialah penetapan kata kunci. Kata kunci berperanan untuk menyusun struktur konseptual dasar pandangan al-Quran. Menurut Toshihiko Izutsu, untuk menentukan kata kunci dari keseluruhan kata dalam al-Quran al-Karim, beliau menyarankan kepada penafsir agar mengetahui gambaran skematik keseluruhan objek yang menjadi kata kunci. Oleh yang demikian, penafsir perlu memahami al-Quran secara mendalam untuk mengukuhkan kefahaman tentang kata kunci tersebut (Izutsu, 2002). Langkah ketiga ialah pencarian makna dasar. Makna dasar ialah sesuatu yang menerangkan kata tersebut, yang sentiasa di bawa ke mana-mana ia diletakkan. Ia boleh difahami sebagai makna leksikal sesuatu lafaz. Langkah keempat ialah pencarian makna kaitan. Makna kaitan ialah sesuatu yang berubah dan berhubung dengan lafaz dalam ayat bersamanya. Sesuatu lafaz dapat difahami maksudnya dengan merujuk kepada konteks ayat (Izutsu, 2002). Langkah ketiga dan keempat dalam pendekatan semantik Toshihiko Izutsu ini merupakan langkah yang penting dan merupakan kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Walaupun makna dasar pada suatu masa akan diabaikan kerana makna kaitan akan diambil sebagai makna sebenar untuk memahami sesuatu ayat, tetapi ia merupakan permulaan bagi pencarian makna dalam pendekatan ini (Ahmad Sahidah, 1998). Langkah kelima ialah membentuk medan semantik. Medan semantik diperoleh daripada hasil analisis makna kaitan. Langkah terakhir ialah pencarian pandangan dunia terhadap lafaz yang digunakan oleh masyarakat yang menggunakannya (Izutsu, 2002).

Dalam kajian konsep tanah ini, pengkaji menggunakan pendekatan ini sehingga langkah kelima sahaja iaitu pembentukan medan semantik terhadap lafaz yang dikaji. Hal ini untuk menyesuaikan dengan objektif yang telah ditetapkan. Kajian ini menjadikan lafaz *turāb* sebagai tema kerana ia lebih hampir dengan maksud tanah berbanding lafaz yang lain. Kata kunci menjadi lingkaran atau ruang lingkup perbincangan yang berkaitan tanah. Kata kunci dalam kajian ini ialah lafaz selain *turāb* yang diterjemah dengan maksud tanah merujuk kepada terjemahan al-Quran Pimpinan al-Rahman. Makna dasar dikenal pasti dengan mencari makna leksikal bagi setiap lafaz. Bagi kajian konsep tanah ini, mencari makna dasar merupakan analisis pertama untuk memahami setiap lafaz kajian selepas tema dan kata kunci ditentukan. Makna dasar merupakan makna tetap bagi lafaz tersebut. Makna ini diperoleh dengan merujuk kepada kamus yang muktabar. Manakala makna kaitan merupakan makna konotatif bagi lafaz tersebut yang berhubungan dengan lafaz yang wujud bersamanya (Ahmad Sahidah, 1998).

Seterusnya analisis kedua kajian konsep tanah ini ialah mendapatkan makna kaitan bagi ayat yang mengandungi lafaz berkonsepkan tanah. Makna kaitan diperoleh dengan membuat analisis sintagmatik dan paradigmatic. Analisis sintagmatik ialah analisis hubungan mata rantai dalam satu rangkaian ujaran (Saussure, 1988). Analisis ini dilihat dengan memerhatikan kata di depan atau di belakang lafaz kajian. Hubungan ini dikenali sebagai hubungan *in presentia* kerana wujud hubungan kata di antara mata rantai lafaz perkataan dalam rangkaian ujaran tersebut. Hubungan sintagmatik turut dikenali sebagai hubungan horizontal. Manakala analisis paradigmatic ialah hubungan yang tidak konkrit yang dikenali sebagai hubungan *in absentia*. Ia berhubung secara vertikal (Saussure, 1988). Analisis yang dijalankan ini bertujuan untuk mengetahui hubungan semantik secara linguistik bagi ayat yang mengandungi lafaz tentang tanah. Makna antara konsep yang mempunyai makna yang lebih luas mengikut kewujudannya dalam sesuatu konteks ayat. Setelah menjalankan dua analisis ini, hasilnya akan membentuk medan semantik yang menunjukkan hubungan antara lafaz kajian.

Analisis ketiga kajian konsep tanah ini diteruskan dengan menganalisis yang mengandungi lafaz kajian dari aspek al-I'jāz al-Bayāni. Analisis ini berpandukan pendekatan al-I'jāz al-Bayāni daripada Ṣalāḥ Abd.al-Fattāḥ al-Khālīdī dengan sokongan data daripada makna dasar dan kaitan serta pendapat ahli tafsir tentang ayat tersebut. Menurut Ṣalāḥ, terdapat lima unsur utama al-I'jāz al-Bayāni dalam al-Quran iaitu (1) ketepatan lafaz al-Quran, (2) keindahan makna lafaz al-Quran, (3) keunikan irama dalam al-Quran, (4) keindahan gambaran dalam al-Quran dan (5) ketinggian struktur penyusunan lafaz al-Quran (Al-Khālīdī, 2000). I'jāz al-Quran boleh berlaku dalam situasi seperti berikut: pertama; huruf pembuka surah dan rahsia di sebalik huruf, kedua; bukti pada lafaz dan rahsia pada perkataan (kalimah), ketiga; gaya bahasa dan rahsia ungkapan (Al-Khālīdī, 1992). Dengan panduan unsur yang ditekankan ini, ia akan dijadikan kayu ukur dalam perbincangan dari aspek al-I'jāz al-Bayāni terhadap lafaz yang terlibat.

1.8 Definisi Operasional

Kajian ini bertajuk :Konsep Tanah Dalam Al-Quran Al-Karim dari Aspek Semantik dan al-I'jāz al-Bayāni.

1. Semantik al-Quran Tosihiko Izutsu : Merupakan cara pandang seorang tokoh dari Jepun, Toshihiko Izutsu terhadap kajian analisis bahasa pada istilah atau kata-kunci kunci sesuatu bahasa yang bermatlamat untuk melihat konsep pandangan dunia masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut.
2. Analisis sintagmatik : Merupakan analisis yang dijalankan untuk mendapatkan makna suatu kata dengan melihat kata di depan atau di belakang kata tersebut.
3. Analisis paradigmatic : Merupakan analisis yang membuat perbandingan kata atau konsep tertentu sama ada berhubung dengan bentuk sinonim, antonim atau polisemi dan sebagainya.
4. Tanah : Tanah pada dasarnya di dalam bahasa Arab ialah *al-turāb*. Ia adalah satu elemen yang terdapat di permukaan bumi. Kata jamaknya ialah *atribaṭ* (أُتْرِبَةُ) atau *turban* (تُرْبَان) (Ibrahim Mustafā, 1972). Tanah menurut ahli geologi ialah suatu elemen yang terdapat di permukaan bumi, terbentuk daripada batu-batu yang disebabkan hubungan iklim persekitaran, benda hidup, topografi dan perubahan masa (Shamshuddin,1980).

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*: 30 Juz. Cet. Ke-12. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- 'Abbas, Faḍl Hasan . (2009). *Al-Balaghah Funūnuhā wa Afnānihā; 'Ilm al-Bayān wa al-Badī'*. Oman: Dār al-Nafāis.
- 'Abbās, Faḍl Hasan . (2007). *Muḥāḍarāt fī 'Ulūm al-Quran*. Cetakan Pertama. Oman: Dār al-Nafāis.
- 'Abbās, Faḍl Hasan. (2010). *Wacana al-Quran. Membongkar Dakwaan Palsu Orientalis Terhadap al-Quran*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Abdul Chaer. (1942). *Linguistik Umum*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Abu Ahmad Yasin (2009). *Hebatnya Mukjizat & Karamah*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Abu al-Fatāh , Muhammad Husain. (1990). *Qāimat Mu'jamiyyah bi Alfāz al-Quran al-Karīm wa Darajāt Tīkrāhā*. Beirut: Maktabah Lubnān.
- al-Baṣriy, Abu Bakr Muḥammad al-Husain al-Azariy. (T.Th.). *Kitāb Jamhara al-Lughah*. Qāherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah.
- Ahdiyat Mahendra. (2015). *Sulṭān dalam al-Quran (Kajian Semantik Perspektif Toshihiko Izutsu)*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Ahmad Sahidah Rahem. (2015). *Toshihiko Izutsu dan Sumbangan Pemikiran Keislaman Jepang*. Kedah: Universiti Utara Malaysia. Afkarina: Vol. 1 No.2 Oktober 2014 - Februari 2015.
- Ahmad Sahidah Rahem. (2014). *Tuhan, Manusia & Alam dalam al-Quran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Akhmad Fajarus Shadiq. (2016). *Konsep Ummah dalam al-Quran (Sebuah Analisis Semantik Toshihiko Izutsu)*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- al-Abdali, Faruq al-Syeikh Abd. Al-Syeikh Najm. (2009) *Sains dari Perspektif Kitab Samawi*. Terj. Othman Talib & Anwar Fakhir Omar. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- al-‘Ānī, Abd al-Qahhār. (2010). *I'jāz al-Qurān*. Jordan: ‘Ālam al-Ḥadīth.
- al-Khālidiy, Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ. (2007). *Ma'a Qiṣasi al-Sābiqīn fī al-Quran*. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- al-Khālidiy, Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ. (1996). *Kisah-kisah Al-Quran Pelajaran dari Orang-orang Dahulu*. Terj. Setiawan Budi Utomo. Jakarta: Gema Insani Press.

- al-Khālidiy, Ṣalaḥ 'Abd al-Fattaḥ. (2004). *Maḥāṭib li al-Ta'āmu l ma'a al-Quran (Melayu)/ Panduan Bergaul dengan al-Quran*. Terj. Muhammad Ihsan. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd.
- al-Khālidiy, Ṣalaḥ 'Abd al-Fattaḥ. (1992). *Al-Bayān fī I'jāz al-Quran*. Oman: Dār al-'Amār.
- al-Khālidiy, Ṣalaḥ 'Abd al-Fattaḥ. (2000). *I'jāz al-Quran al-Bayānī wa Dalā'il Maṣḍaruhu al-Rabbāniy*. Oman: Dār 'Umār.
- al-Aṣḥāhānī, Al-Rāghīb & Abu al-Qāsim al-Husain bin Muhammad. (1998). *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Qurān*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- al-Aṣḥāhānī, Al-Rāghīb (1992). *Mufradāt Al-fāz al-Qurān*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- al-Asmar, Rājī. (1998). *Al-Balāghah al-'Arabiyyah al-Wāḍiḥah*, Beirut: Al-Maktabah al-Thaqāfiyyah.
- al-Aṭras, Riḍwān Jamāl. (2007). *Risālah al-I'jāz al-Qurānī*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- al-Bāqī, Muhammad Fuād 'Abd . (1996). *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qurān al-Karīm*. Qāherah: Dār al-Hadīth.
- al-Farahidi, Al-Khalil bin Ahmad. (2003). *Kitāb al-'Aīn*. Beirut: Dar al-Kutūb al-'Ilmiyyah.
- al-Farmawī, Abd al-Hayyī. (1977). *Al-Bidāyah Fī al-Tafsīr al-Maudhū'i*. Qaherah: Al-Hadhārāt al-Gharbiyyah.
- 'Ali al-Jāram & Muṣṭafā Amīn. (2010). *Al-Balāghah al-Wāḍiḥah*. Beirut: Dar al-Ma'ārif.
- al-Jauharī. (2005). *Al-Ṣiḥḥah fī al-Lughah*. Beirut: Dar al-Ma'refah Publishing.
- al-Khaṭīb, Ahmad Syafīq. (1987). *Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-'Ilmiyyah, wa al-Fanniyyah, wa al-Ḥandasiyyah (Injlīzī-'Arabī)*. Cetakan Keenam. Beirut: Librairie Du Liban.
- al-Khaṭīb, 'Aziz (2013). *Al-I'jāz al-Balāghī fī al-Quran Dirāsah Taḥlīliyyah 'Inda Fakhr al-Rāzī*. Cetakan kedua. t.tp: Syarikat Dār Qutaybah.
- al-Ma'arif. (2012). *Janji dalam al-Quran (Kajian Semantik atas Kata al-Wa'd, al-'Ahd, dan al-Mīthāq)*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- al-Najjar, Zaghlul. (2006). *Al-I'jāz al-'Ilmī fī al-Sunnah al-Nabawī*. Juzuk 1: Mesir: Nahḍah Miṣr.
- al-Najjar, Zaghlul. (2011). *Mengungkap Fakta Ilmiah dari Kemukjizatan Hadis Nabi*. Terj. Zainal Abidin, Syakirun Ni'am, M. Lukman & A. Zidni Ilham Faylasifa. Cetakkan Pertama. Jakarta: Amzah.

- al-Najjar, Zaghlul. (2009). *Keajaiban Sains dalam Hadis*. Terj. Nor Hasanuddin & Faisal Saleh. Cet. 1. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- al-Nisāburī, Abu al-Hasan ‘Ali bin Aḥmad al-Wāḥidī. (2000). *Kitāb Asās an-Nuzūl*. Beirut: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- al-Qattan, Manna’. (1992) *Mabāḥiṭh Fī Ulūm al-Qurān*. Riyād: Maktabah al-Ma’ārif.
- al-Rāfa‘ī, Muṣṭafā Ṣādiq. (1999). *Ijāz al-Qurān wa al-Balāghat al-Nabawīyyat*. Cetakan Pertama. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Razi, Muhammad Fakhrudin. (2002). *Maḥāṭiṭh al-Ghayb*. Jld. 14. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Zamakhshari, Abu al-Qāsim. (1995). *Tafsīr al-Kasysyāf*. Beirut: Al-Durūs al-Kutūb al-‘Ilmiyyah.
- al-Zīn, ‘Aṭīf. (1994). *Tafsīr Muḥḥadāt Alfaz al-Quran al-Karim*. Cetakan Ketiga. Beirut: Asy-Syarikah al-‘Ālamiyyah.
- ‘Āsyūr, Muhammad al-Tāhir. (1984). *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tūnīsia: Al-Dār al-Tūnisiyyah li al-Nathr.
- Badri Khaeruman, (T.th). *Sejarah Perkembangan Tafsir Al-Quran*. Op. Cit., hlm. 195.
- Dlm. Ilmi Hidayati, (2014). *Kajian Corak Tafsir ‘Ilmi*. Tesis Sarjana. Indonesia: Universitas Agama Islam Negeri (UIN) Walisongo.
- Badri Yatim. (2004). *Sejarah Peradaban Islam: Dirasah Islamiyah II*, (Jakarta: RajaGrafindo Persada. Cet. Ke-16, m/s: 18.
- Bakar, H. A. (2007). *Pemeliharaan Alam Tabii Bersumberkan Pengetahuan Islam Pengenalan Kepentingan Alam Sekitar Menurut Pandangan Islam*, 30–32.
- Cahyono, Bambang Yudi. (1994). *Kristal-kristal Ilmu Bahasa*. Surabaya: Airlangga University Press.
- Chaer, Abdul. (1994). *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Cooper, H.M. (1988). *Organizing Knowledge Synthesis: The Structure of Knowledge Synthesis*. Spring.
- Cruse, D.A. (2000). *Meaning in Language: An Introduction to Semantics and Pragmatics*. New York: Oxford University Press.
- Danial Zainal Abidin. (2014). *Al-Quran Saintifik*. Selangor: PTS Millenia.
- Draycott G.M. (1916). *Mahomet, Founder of Islam*. UK: Leopold Classic Library.
- Eko Budi Santoso. (2015). *Makna Tawakkul dalam al-Quran (Aplikasi Semantik Toshihiko Izutsu)*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.

- Faisal Hidayah. (2009). *Hasan Menurut Toshihiko Izutsu dalam Buku Ethico-Religious Concepts in The Quran*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Faisal Othman. (1993). *Pendidikan Islam: Keonsep dan Realiti dalam Pendidikan Islam Malaysia*, ed. Ismail Ab. Rahman. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fāris, Abu al-Ḥusain Ahmad. (2008). *Maqāyīs al-Lughah*. Anas Muhammad asy-Syāmī (pnyt.). Kaherah: Dār al-Hadith.
- Fathurrahman. (2010). *Al-Quran dan Tafsirnya dalam Perspektif Toshihiko Izutsu*. Jakarta: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Foth, H.D. (1998). *Dasar-dasar Ilmu Tanah*. Yogyakarta: Tanah Gadjah Mada University Press.
- F.R. Palmer. (1989). *Semantik*. Terj. Abdullah Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gay, Mills & Airasian. (2006). *Educational Research*. Pearson Education.
- Hadindah Daeng Mawara Doeni. (2012). *Pengungkapan Kata Bermakna Isteri di Dalam Konteks al-Quran (Suatu Kajian Semantik)*. Bandung: Universitas Padjadjaran Jatinangor.
- Hanifah Utami Putri. (2012) *Metode Fahrudin Ar-Razi dalam Menafsirkan Ayat-ayat Kauniyyah*. Indonesia: Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim.
- Harun Yahya (2003). *Negeri-negeri yang Musnah*. Bandung: Dzikra.
- Harun Yahya. (2006). *Keajaiban Penciptaan Manusia*. Terj. Rohidzir Rais. Johor Baharu: Perniagaan Jahabersa.
- Harun Yahya. (2007). *Kaum-kaum yang Pupus*. Terj: Rozalli Hashim Kuala Lumpur: Saba Islamic Media.
- Haziah bt Hussein,. (2001). *Konsep I'jāz Al-Quran Menurut al-Khaṭṭābī: Kajian terhadap Bayan I'jāz al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hazura Abu Bakar & Sharifah Norhaidah Syed Idros. (2007). *Pemeliharaan Alam Tabii Bersumberkan Pengetahuan Islam*. DP. Jilid 7, Bil. 1.
- Ḥawā, Sa'īd. (2003). *Al-Asās fī al-Tafsīr*. Mesir: Dār al-Salām.
- Hisyam, Abu Muhammad Abdul Malik. (1990). *Al-Sīrah Al-Nabawīyyah*. Umar Abdus Salam Tadmuri (pnyt.). Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabīy.
- Hussein bin Awang. (1994). *Qāmūs 'Arabiy-Melayu*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- H. Sofyan Sauri. (T.Th.). *Pendekatan Semantik Frase Qaulan Sadīda, Ma'rūfa, Balīghah, Maysūra, Layyina, dan Karīma Untuk Menemui Konsep Tindak Tutur*

Qur'āni.

H.R. Taufiqurrochman. (2008). *Leksikologi Bahasa Arab*. Universiti Islam Negeri: Malang Press.

Ilmi Hidayati, (2014). *Kajian Corak Tafsir 'Ilmi*. Thesis Sarjana. Indonesia: Universitas Agama Islam Negeri (UIN) Walisongo.

Ilmu Geografi. (2015). *26 Cara Menyuburkan Tanah Kering dan Tandus*. Dimuat turun pada 29 Oktober 2015 daripada (<http://ilmugeografi.com/>).

Iskandar Zulkarnain. (2007). *Disertasi Tafsir Pimpinan al-Rahman oleh Syeikh Abdullah Basmeih*. Dimuat turun pada 13 Jun 2007 daripada (<http://disertasi.blogspot.my/2007/06/tafsir-pimpinan-al-rahman-oleh-syeikh.html>).

Ishak Sulaiman, Mohd Afifuddin Mohamad, Raihana Abdul Wahab, Siti Rabiatal Adawiah S.Mohsain, Sumaiyah Mohd Tarmizi. (T.th). *Metodologi Penulisan Zaghul an-Najjar dalam menganalisis Teks Hadith Nabawi Melalui Data-data Saintifik*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Ismail bin Ahmad. (1983). *Geografi Tanah-Tanih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Izutsu, Toshihiko. (2002). *God and Man in the Koran: Semantics of The Koranic Weltanschauung*. Kuala Lumpur: Islamic Book Truth.

J. B. Weems. (1965). *Chemistry of Clays*. Los Angeles: Hlm:55.

Jon Thorson. (2002). *Soil Bug Could Fight Cancer*. BBC News Online. 16 Ogos 2002.

Juriah binti Mohd Amin. (1998) “ *Kemukjizatan Al-Quran dan Sains*”. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abu al-Fidā’ Isma‘īl. (2000). *Tafsīr al-Quran al-‘Azīm*. Qāherah: Maktabat wlad asy-Syeikh li al-Turath.

Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abu al-Fidā’ Isma‘īl. (2009). *Kisah Para Nabi Teladan Bagi Orang Berakal*. Terj. Asmaji Aes Muhtar. Johor: Perniagaan Jahabersa.

Khairul Nizar MY, Mohd Hazreek ZA & Zaihasra AT. (2007). *Ciri -Ciri Indeks dan Mekanikal Bagi Tanah Liat Terstabil Simen dan Kapur di Semenanjung Malaysia. Prosiding Kebangsaan Awam 2007, Langkawi*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn.

Khaoiron Nahdiyyin. (T.Th..) *Struktur Semantik KOnsep Manusia dalam Al-Quran*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.

Kementerian Pertanian Malaysia. (1993). *Pertanian dalam al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam.

- Lajnah Pentashihan Mushaf al-Quran. (2012). *Penciptaan Bumi dalam Perspektif Al-Quran dan Sains (Tafsir 'Ilmi)*. Jakarta:Kementerian Agama RI.
- M.A Uswah. (2010). Dr. Solah Abdul Fattah al-Khalidi, Ulama Tafsir Moden Terkini yang Alim. *tamanulama.blogspot.my*. 5 Disember 2010.
- Manzūr, Abu al-Faṣl Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukrim. (1997). *Lisān al-'Arab*. Cetakan Kedua. Beirut: Muassasat Al-Tārīkh al-'Arabiy.
- Manzūr, Abu al-Faṣl Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukrim. (993). *Lisān al-Lisān Tahdzīb Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah.
- Majduddīn al-Fairūz Ābādī. (2007). *Al-Qāmus al-Muḥīṭ*. Beirut: Dar al-Kotob al-'Ilmiyyah.
- Mat Lazim Zakaria (2010). *Bahan dan Binaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Kuala Lumpur.
- McCarthy, David F. (2006). *Essentials of Soil Mechanisc and Foundations: Basic Geotechnics*. 7Th edition. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Md. Zubir bin Osman. (2000). *Panduan Balaghah SPM*. Selangor: Penerbitan al-Madani Sdn. Bhd. Mohammad Khalifa. (1983). *The Sublime and Orientalism*. Gombak: Internationa Islamic Publishers.
- M. Hanczyc, J. Fujikawa & J. Szostak. (2003). *Clay's Matchmaking Could Have Sparked Life*. Newscientist: Com News Service (Online). Vol:302. M/s: 618. 23 Oktober 2003.
- Mohd Syamil bin Mohd Yusuf (2010). *Hebatnya Al-Quran Jika Kamu Berfikir*. Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd.
- Muhammad Ali, Ibrahim. (2010). *Ṣaḥīḥ al-Sīrah al-Nabawīyah*. Jordan: Dar al-Nafāis.
- Muhammad Bukhari Lubis dan Ali Haji Ahmad. (2006). *Transliterasi Kata Arab, Parsi, Turki*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Iqbal Maulana Nim. (2015). *Konsep Jihad dalam al-Quran (Kajian Analisis Semantik Toshihiko Izutsu)*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Muhammad Marwan Ismail dan Wan Moharani Mohammad. (2009). *Kajian Semantik dan Mu'jam 'Arabiy*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muslim, Mustafā . (1999). *Mabāḥith I'jāz al-Quran*. Cetakan Ketiga. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Nadhirah Nor binti Zelan, Noor Azalina binti Khalil & Norsyahidan Bin Mohamad Yusof. (2016). *Campuran Tanah Liat Dan Sisa Bata Simen Dalam Menentukan Sifat Geoteknik Tanah*. Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Engineering and Technology, Vol.1, 2016.

- Nailur Rahman. (2014). *Konsep Salam Dalam Al-Qur'an Dengan Pendekatan Semantik Toshihiko Izutsu*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Nizar, K., Hazreek, M & Zaihasra. (2007). *Ciri-ciri Indeks dan Mekanikal Bagi Tanah Liat Terstabil Simen dan Kapur di Semenanjung Malaysia*. Prosiding Kebangsaan Awam 2007. Kedah: Langkawi.
- Nizaita Omar. (2011). *Al-Quran dan Pemikiran Manusia*. Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Peter, Newmark. (1988). *A Textbook of Translation*. Michigan: Prentice-Hall International.
- R.F Craig. (1993). *Mekanik Tanah*. Terj. Aminaton Marto. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Rūḥī al-Ba'al Bakī. (2000). *Qāmūs al-Mawrid*. Cetakan ke-13. Beirut: Dār al'Ilm li al-Malayiyīn.
- Sahiron Syamsuddin. (2013). *Semantik al-Quran*. Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga.
- Samhani Ismail. (2009). *Mati Dari Sudut Sains*. MajalahSains.Com. Dimuat turun pada 14/12/2009 daripada <http://www.majalahsains.com/mati-dari-sudut-sains/>.
- Saussure, Ferdinand de. (1988). *Pengantar Linguistik Umum*. Terj. Rahayu S. Hidayat. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Selamat Amir, Monika@Munirah Abd Razzak, Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff. (2012). *Aplikasi Element Saintifik dalam Tafsir Al-Quran: Satu Pengamatan Awal Terhadap Manhaj Zaghlul an-Najjar dalam Tafsir al-Ayah al-Kawniyyah fi al-Quran al-Karim*. Dlm. *The Second Annual International Conference*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Shamshuddin bin Jusop. (1981). *Asas Sains Tanah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shihab, Muhammad Quraissy. (1992). *Membumikan al-Quran*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Shinya, Makino. (1998). *"Preface" dalam Consciousness and Reality: Studies in Memory of Toshihiko Izutsu*. Tokyo: Iwanami Shotan.
- Soegiman. (1982). *Ilmu Tanah*. Jakarta: Penerbit Bhratara Karya Aksara.
- Soemarno. (2013). *Tanah Lestari-Olah Tanah*. Brawijaya: Universiti Bravijaya. Dimuat turun pada 23 Disember 2013 daripada <http://marno.lecture.ub.ac.id/tag/olah-tanah>.
- Sudaryo dan Sutjipto. (2009). *Identifikasi dan Penentuan Logam Berat pada Tanah Vulkanik di Daerah Cangkringan*. Yogyakarta: Seminar Nasional V SDM Teknologi. 5 November 2009.
- Syed Qutb. (1972) *Fi Zilal al-Qur'an*, Jil: 6, Hlm: 3841

- Tazlie Sham Ab. Rahman. (2015). *Sumbangan 'Abd Majid Al-Zindani dalam Bidang al-I'jaz al-'Ilmi: Kajian Terhadap Kitab Ta'sil al-I'jaz al-'Ilmi fi al-Quran wa al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- 'Uthmān, Muhammad Hasan. (2002). *I'rāb al-Quran al-Karim wa Bayānihi wa ma'ānīhi*. Qāherah: Dār al-Dirāsah.
- 'Umar , Ahmad Mukhtār. (1988). *'Ilm al-Dilālah*. Cetakan Kedua. Qāherah: 'Ālam al-Kitāb.
- Unun Nasihah. (2013). *Kajian Semantik Kata Libās dalam al-Quran*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Zayyāt, Aḥmad Ḥassan, Mustafā, Ibrahim, Abd al-Qādir, Ḥāmīd '& al-Najjāar, Muḥammad 'Alī. (1972). *Mu'jam al-Wasīf*. Istanbul: Al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Zulkifli Haji Mohd Yussof & Muhammad Mukhlis Hj Mohd Yunus. (2015). *Kajian al-Quran*. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research.
- Zunaidi Nur. (2014). *Konsep al-Jannah dalam al-Quran (Aplikasi Semantik Toshihiko Izutsu)*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Zuraida. (1999). *Penggunaan Abu Volkan Sebagai Amelioran pada Tanah Gambut dan Pengaruhnya Terhadap Sifat Kimia Tanah dan Pertumbuhan Jagung*. Thesis dalam Program Pascasarjana. Indonesia: Institut Pertanian Bogor.